



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melder Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Epifani - 4 Januari 2026

Doa Hari Ini

Allah yang kekal, yang oleh sinaran bintang telah memimpin orang-orang menyembah Anak-Mu; pimpinlah, dengan terang-Nya, semua bangsa di bumi, sehingga seluruh dunia melihat kemuliaan-Mu, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Matius 2:1-12

Bacaan Responsif - 1 Petrus 2:1-10



**DARI HATI-NYA AKAN MENGALIR
SUNGAI AIR KEHIDUPAN
MULAKAN YANG BAHARU UNTUK 2026**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. AWALAN BARU

Selamat Tahun Baru yang penuh berkat kepada semua. Tahun 2026 menjanjikan peluang-peluang baru untuk mengalami kebaikan dan kasih karunia Tuhan. Kita memperbaharui komitmen untuk mengasihi-Nya lebih dalam, dan melayani-Nya dengan lebih setia.



Hari Selasa, 6 Januari, kita memperingati Hari Raya Epifani. Kata Epifani bermaksud “penyataan” atau “wahyu”. Perayaan ini merujuk kepada perwujudan Yesus bagi seluruh dunia, bukan hanya di Betlehem. Melalui cahaya sebuah bintang, orang Majus menjadi orang pertama yang menerima pesan ini. Hari raya ini juga menandakan berakhirnya musim Natal.

Pesan ini sangat relevan bagi kita di awal tahun. Semoga cahaya Yesus bersinar dalam diri kita, dan melalui kita, menerangi dunia sekeliling kita. Justeru itu, kita perlu meluangkan masa dan usaha untuk membina diri supaya hal ini menjadi nyata. Buatlah beberapa resolusi untuk tahun ini:

'Saya bertekad ...

- Membaca Firman Tuhan setiap hari, walau sibuk dan walau hanya beberapa ayat.
- Berdoa setiap hari, walau sibuk dan walau hanya sebentar.
- Beribadah bersama saudara-saudari seiman di gereja, pada kebanyakan hari Minggu sepanjang tahun, kecuali benar-benar terhalang atau menghadapi gendala.
- Sertai dan bergabung dalam kelompok sel untuk belajar bertumbuh dan melayani sebagai seorang Kristen.
- Melayani dalam salah satu pelayanan yang tersedia di gereja – kanak-kanak, remaja, belia, dewasa, senior, musik, media, dan sebagainya; atau di masyarakat – NGO, badan amal, kelab, dll.
- Memberi secara kewanangan untuk kerja-kerja pelayanan gereja – dengan murah hati, rela, gembira, dan sekali-sekala secara pengorbanan.
- Taat kepada Tuhan dalam segala keadaan, sama ada menyenangkan atau tidak – dengan berani, rela, dan rendah hati.
- Menjadi lebih serupa dengan Yesus.

Bantu saya, ya Tuhan.'

2. BERMULA DENGAN BERDOA

12 Jan, Isnin depan, 8:00 malam – mulakan tahun dengan berdoa bersama saudara dan saudari dari gereja-gereja Anglikan di KK.

Persekutuan Doa Gabungan bertempat di Gereja Anglikan Manggatal. Ibadah Doa dijalankan dalam BM, EN & CH.

3. 'BIARKAN ANAK-ANAK DATANG KEPADA-KU'

19-20 Jan – Latihan Pelayanan Kanak-Kanak ADOS-Barat (CH & EN); Katedral All Saints. Pastor Margaret Chong ialah jurulatih utama. Kami menggalakkan pemimpin sel kanak-kanak dan guru BLAST untuk meningkatkan nilai diri supaya lebih efektif dalam pelayanan mereka.

4. 'JADILAH TERANG'

Bekalan elektrik yang telah lama ditunggu akhirnya telah disambungkan ke 'Projek Labor' – kediaman baru untuk para paderi dan pastor. Kami bersyukur kepada Tuhan dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah membantu menjayakannya. Dana bangunan kini berjumlah RM1,160,316.05. Jumlah yang diperlukan adalah RM1.2 juta.



Lapangan bola keranjang dan lapangan *pickleball* kini dibuka untuk para pemain.

5. PELAYANAN LAINNYA

- 10 Jan, Sabtu depan – **Mesyuarat PCC** pertama untuk tahun ini. Sila kongsi harapan dan impian anda untuk gereja dengan mana-mana ahli PCC kita! Berdoa untuk semua ahli majlis gereja kita sementara mereka merancang Belanjawan 2026.
- 8 Feb – **Pembaptisan** di semua kebaktian kita. Sila daftar.
- **Persembahan Bunga 2026** – Jika anda ingin menyumbang gubahan bunga untuk kebaktian, sila hubungi pejabat gereja. Anda boleh menggunakan kesempatan ini untuk memperingati ulang tahun, merayakan sesuatu acara, atau sebagai ungkapan syukur umum.

6. ACARA-ACARA DIOSIS

- 5-7 Jan, bermula esok – **Retret Isteri-isteri Paderi** ADOS-Barat, Puncak Doa Kokol. Doakan agar semua yang terlibat mengalami masa yang menyegarkan dan bermakna.
- 26 Jan - **Pentahbisan Diosis**; Gereja St. Patrick, Tawau
- 27-29 Jan - **Retret & Konferensi Paderi & Pastor Diosis**; Gereja St. Patrick, Tawau

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Rancangan Pembacaan Alkitab 2026

- 1 atau 2 pasal setiap hari
- setiap bulan, bergilir antara Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru
- membaca seluruh Alkitab dalam masa setahun;
- Mazmur dan Amsal dibaca 4 kali dalam tempoh itu
- boleh dilakukan, boleh dicapai, dan patut dicuba

Isnin, Jan 5	Yoh 1:1-18	Mz 1
Selasa, Jan 6	Yoh 1:19-2:12	Mz 2
Rabu, Jan 7	Yoh 2:13-3:36	Mz 3
Khamis, Jan 8	Yoh 4	Mz 4
Jumaat, Jan 9	Yoh 5	Mz 5
Sabtu, Jan 10	Yoh 6	Mz 6
Ahad, Jan 11	Yoh 7	Mz 7

- Pilih masa dan tempat untuk doa dan membaca Alkitab setiap hari.
 - Berdoa – "Tuhan, kiranya Roh Kudus-Mu menolongku untuk mengerti."
 - Membaca – Bacalah fasal yang telah ditetapkan.
 - Renungkan – Tuliskan satu perkara yang anda pelajari hari ini.
 - Berdoa – "Tuhan, tolong saya untuk melaksanakan apa yang kupelajari." Doakan juga keperluan lain yang ada dalam hatimu.

UNTUK DIDOAKAN

Dunia yang Kita Kasih

– Berdoa agar semakin ramai orang di seluruh dunia dipimpin untuk mengenal Yesus. Kiranya tahun 2026 menjadi tahun kebangunan rohani di pelbagai penjuru dunia.

Gereja yang Kita Kasih

– Berdoa agar Gereja kita menjadi terang kepada masyarakat di Kota Kinabalu dan juga di luar sana. Kiranya melalui pelayanan-pelayanan kita, banyak jiwa dibawa untuk mengenal Yesus.

Diri kita sendiri

– Berdoa agar kita bertumbuh dalam 'kasih karunia dan pengetahuan' akan Tuhan dan Juruselamat kita, Yesus Kristus. Kiranya seperti orang Majus, kita mempersembahkan pemberian kita kepada-Nya di tahun 2026, dengan hati tulus dan penuh sukacita.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda. Doakan secara khusus untuk Rev. George Chong, Sister Margaret Yong dan Ps. Sylvia Jeanes.